

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

71 Perpaduan dan Integrasi Nasional

- 1 Maklumat berikut menerangkan unsur penting dalam pembinaan negara Malaysia.

Satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa.

Apakah unsur tersebut?

(BUKU Teks ms. 140)

- A Bangsa
- B Masyarakat
- C Perpaduan kaum
- D Integrasi nasional

- 2 Hubungan antara kaum di negara kita adalah renggang sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Mengapakah wujud keadaan demikian?

(BUKU Teks ms. 141)

- I Perbezaan pegangan agama
 - II Dasar pentadbiran penjajah
 - III Perbezaan kegiatan ekonomi
 - IV Dasar pendidikan kebangsaan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 3 Majlis berikut telah ditubuhkan pada 29 Januari 1969.

Majlis Perundingan Negara

Apakah tujuan penubuhan majlis tersebut?

(BUKU Teks ms. 142)

- A Memperkasa perpaduan
- B Memajukan ekonomi negara
- C Memupuk identiti kebangsaan
- D Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

- 4 Rukun Negara merupakan ideologi negara telah dibentuk dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.

(BUKU Teks ms. 141)

Rukun Negara digubal oleh

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Muhibah Negara
- C Jabatan Perpaduan Negara
- D Jabatan Perundingan Negara

- 5
- Dasar Ekonomi Baru (DEB)
 - Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

(BUKU Teks ms. 143)

- A Mewujudkan kestabilan politik
- B Mempercepat kemerdekaan
- C Memakmurkan negara
- D Meluaskan pasaran

- 6 Penubuhan institusi berikut adalah penting kepada negara kita.

- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Universiti Kebangsaan Malaysia

Apakah peranan penting institusi tersebut?

(BUKU Teks ms. 144)

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan kadar celik huruf
- C Meningkatkan kemahiran pelbagai bahasa
- D Memperkasa kedudukan bahasa kebangsaan

72 Dasar Pendidikan Kebangsaan

- 7 Pelaksanaan sistem pendidikan di negara kita berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Apakah matlamat Dasar Pendidikan Negara?

(BUKU Teks ms. 144)

- A Memajukan sukan negara
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Memperkukuh hubungan luar
- D Membentuk kebudayaan kebangsaan

- 8 Berdasarkan Kajian Aminuddin Baki, sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan pada tahun 1965. Mengapakah sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?

(BUKU Teks ms. 145)


- A Melahirkan tenaga kerja mahir
- B Memartabatkan bahasa kebangsaan
- C Menempatkan murid kelainan upaya
- D Meningkatkan tempoh pembelajaran

- 9 Laporan Rahman Talib 1960 memberi penekanan kepada perpaduan kaum dan integrasi nasional. Antara berikut yang manakah cadangan laporan tersebut?

BUKU TEKS m.s. 145

- I Aliran vokasional diperkenalkan
 - II Sekolah aneka jurusan diperkenalkan
 - III Kurikulum yang sama untuk semua jenis sekolah
 - IV Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 10 Rajah berikut berkaitan dengan cadangan yang terkandung dalam laporan jawatankuasa pendidikan kebangsaan.



Apakah X?

BUKU TEKS m.s. 145

- A Laporan Razak
B Laporan Rahman Talib
C Kajian Aminuddin Baki
D Falsafah Pendidikan Kebangsaan

- 11 Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) digubal berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan generasi yang

BUKU TEKS m.s. 146

- I berwawasan
 - II bersatu padu
 - III berkemahiran
 - IV bercita-cita tinggi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 12 Maklumat berikut adalah antara kandungan laporan jawatankuasa pendidikan.


- Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam.
- Penegasan kepada pendidikan kerohanian melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Maklumat tersebut merujuk kepada

BUKU TEKS m.s. 146

- A Akta Pendidikan 1961 C Kajian Aminuddin Baki
B Laporan Rahman Talib D Laporan Jawatankuasa Kabinet

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar negara.



Berdasarkan maklumat tersebut, apakah X?

BUKU TEKS m.s. 146

- A Rukun Negara
B Dasar Pembangunan Nasional
C Dasar Kebudayaan Kebangsaan
D Falsafah Pendidikan Kebangsaan

7.3

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

- 14 Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Apakah langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan?

BUKU TEKS m.s. 148

- I Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan
 - II Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
 - III Pengenalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
 - IV Penubuhan institusi pengajian tinggi swasta
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 15 Seksyen 2 Akta Bahasa Kebangsaan menetapkan bahawa

BUKU TEKS m.s. 144

- A Bahasa Melayu digunakan dalam segala urusan rasmi
B Semua mahkamah di Malaysia mesti menggunakan bahasa Melayu
C Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa rasmi
D Semua sekolah mesti menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

- 16



Berdasarkan maklumat tersebut, apakah X?

BUKU TEKS m.s. 149

- A Pustaka Rakyat
B Pustaka dan Bahasa
C Dewan Rakyat Pustaka
D Dewan Bahasa dan Pustaka

- 17 Universiti berikut telah ditubuhkan pada 18 Mei 1970.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Apakah peranan penting universiti tersebut?

BUKU TEKS m.s. 149

- A Meningkatkan imej negara
B Menarik pelajar dari luar negara
C Menggubal Akta Bahasa Kebangsaan

10 Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

18 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

- Menerbitkan buku, majalah dan risalah
- Menganjurkan seminar dan bengkel
- Menganjurkan pelbagai aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Apakah tujuan DBP mengadakan aktiviti tersebut?

BUKU TEKS m.k. 113

- I Memupuk perpaduan
 - II Melahirkan pekerja mahir
 - III Meningkatkan golongan celik huruf
 - IV Memartabatkan bahasa kebangsaan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

74 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

19 Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan tiga prinsip utama.

Antara berikut, yang manakah prinsip dasar Kebudayaan Kebangsaan?

BUKU TEKS m.k. 150

- I Islam menjadi unsur penting
 - II Berteraskan kebudayaan Barat
 - III Kebudayaan semua kaum diterima sepenuhnya
 - IV Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

20 Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Mengapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk?

BUKU TEKS m.k. 151

- I Meningkatkan imej negara
- II Meningkatkan kualiti kehidupan

III Mengukuhkan perpaduan negara

IV Mengukuhkan sistem pentadbiran

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

21 Program berikut diadakan di Dataran Merdeka pada bulan Mei setiap tahun.

Citrawarna Malaysia

Apakah tujuan program tersebut?

BUKU TEKS m.k. 111

- A Promosi pelancongan
- B Memupuk kesetiaan rakyat
- C Promosi pakaian tradisional
- D Memupuk semangat patriotik

22 Dasar berikut telah diperkenalkan di negara kita.

- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Akta Bahasa Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Apakah sumbangan dasar tersebut?

BUKU TEKS m.k. 150

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat
- C Menjamin kecemerlangan negara
- D Membina masyarakat berdaya saing

75 Sukan sebagai Alat Perpaduan

23 Majlis sukan berikut mula dilancarkan pada tahun 1974.

Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

Apakah faedah yang diperolehi daripada sukan di atas?

BUKU TEKS m.k. 151

- I Memupuk integrasi nasional
- II Meningkatkan taraf hidup rakyat
- III Mewujudkan semangat kenegerian

IV Menyatupadukan penduduk berbilang kaum

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

24 Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali. Apakah kepentingan sukan tersebut terhadap Malaysia?

BUKU TEKS m.k. 113

- A Mengeratkan perpaduan kaum
- B Memantapkan ekonomi negara
- C Memajukan industri pelancongan
- D Memperkasa semangat kenegerian

76 Rukun Negara sebagai Tunggak Kesejahteraan Negara

25 Rukun Negara diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970.

BUKU TEKS m.k. 152

Apakah Rukun Negara?

- A Tatanegara
- B Ikrar negara
- C Ideologi negara
- D Sistem pemerintahan

26 Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970?

BUKU TEKS m.k. 152

- A Menyusun semula masyarakat
- B Memperkukuh perpaduan rakyat
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Memartabatkan bahasa kebangsaan

27 Rukun Negara dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan matlamat Rukun Negara?

BUKU TEKS m.k. 152

- I Memelihara agama
 - II Memberi kebebasan mutlak
 - III Memelihara cara hidup demokratik
 - IV Melahirkan masyarakat yang progresif
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan cita-cita yang hendak dicapai melalui pengamalan Rukun Negara.

Kita mendukung cita-cita untuk menegakkan satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada masa ini.

Maklumat tersebut merujuk kepada masyarakat

(BUKU TEKS m. 111)

- A adil
- B liberal
- C progresif
- D demokratik

- 29 Berikut merupakan prinsip yang pertama dalam Rukun Negara.


Kepercayaan kepada Tuhan

Mengapakah prinsip tersebut penting dalam kehidupan kita?

(BUKU TEKS m. 159)

- I Menjadi panduan hidup
 - II Menjadi simbol kebahagiaan
 - III Membentuk keagungan negara
 - IV Membentuk keperibadian yang baik
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip Rukun Negara yang dihayati oleh rakyat Malaysia.



Apakah X?

(BUKU TEKS m. 159)

- A Keluhuran Perlembagaan
- B Kesopanan dan Kesusilaan
- C Kedaulatan Undang-undang
- D Kesetiaan kepada Raja dan Negara